



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	21/8/2019	MUKA SURAT	: 61
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

'Iman' kini makin sihat

Badak sumbu terakhir Malaysia alami ketumbuhan dalam rahim

Oleh Mohd Izham Unnip Abdullah
thaddius@bh.com.my

Kota Kinabalu: Badak sumbu Sumatera terakhir di Malaysia yang ditempatkan di Santuari Badak Borneo (BRS) di Hutan Simpan Hidupan Liar Tabin, Lahad Datu, kini dalam keadaan sihat selepas menjalani rawatan akibat ketumbuhan dalam rahim pada tahun lalu.

Badak betina dikenali sebagai 'Iman' itu satu-satunya spesies badak Sumatera yang masih hidup di negara ini selepas pasangannya dikenali sebagai Kertam atau Tam mati akibat usia tua dan kegagalan organ dalaman pada 27 Mei lalu.

Pengarah Jabatan Hidupan Liar Sabah, Augustine Tuuga, berkata walaupun masih menjalani rawatan susulan bagi mengelak ketumbuhannya melarat semula, keadaan Iman udah kembali normal dan selera makan pulih sepenuhnya.

Beliau berkata, badak itu juga sudah bersedia menjalani proses pengambilan ovum atau telur untuk disenyawakan dengan sperma atau benih badak Sumatera jantan menerusi kerjasama dirancang dengan Indonesia, dan kini menunggu

bantuan pakar dari Jerman.

Namun akibat ketumbuhan yang dialami, katanya, badak itu tidak boleh bunting walaupun masih aktif mengeluarkan telur.


"Sehubungan itu, bagi menyelamatkan spesies badak Sumatera di negara ini, telurnya perlu disenyawakan dengan sperma badak jantan di Indonesia sebelum dimasukkan ke dalam rahim badak Sumatera betina lain di negara itu sebagai ibu tumpang.

"Proses ini dikenali sebagai *in vitro fertilisation* (IVF), namun sebelum ia dilaksanakan, satu perjanjian persefahaman (MoU) perlu dimeterai dengan Indonesia supaya tidak timbul masalah berhubung siapa pemilik anak badak yang dilahirkan melalui proses itu," katanya di sini, semalam.

Iman yang berumur 23 tahun ditangkap di Lembah Danum, Lahad Datu, pada 2014 sebelum dipindahkan ke Hutan Simpan Hidupan Liar Lahad Datu dan ditempatkan di BRS selepas santuari itu siap tahun lalu.

Santuari itu dikendalikan oleh sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Borneo Rhino Alliance (BORA) bagi pihak Jabatan Hidupan Liar Sabah, termasuk memantau badak yang ditempatkan di sana.

Iman yang memiliki berat 530 kilogram, dikesan mengalami ketumbuhan leiomyoma dalam rahim yang pecah sehingga mengakibatkan pendarahan teruk pada Disember tahun lalu, namun dapat dipulihkan menerusi rawatan berterusan.



Iman, badak sumbu Sumatera terakhir di Malaysia ditempatkan Santuari Badak Borneo, Hutan Simpan Hidupan Liar Tabin, Lahad Datu.